



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(77)
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri


ARAHAN AMALAN NO. 12 TAHUN 2021

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN *WAKALAH* PEGUAM SYARIE/ AFIDAVIT BAGI KES *MAL* MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Pengendalian *Wakalah* Peguam Syarie/ Afidavit bagi Kes *Mal* melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh sepertimana di lampiran.

2. Arahan Amalan No. 5 Tahun 2014: Proses *Wakalah* Peguam Syarie bagi Pihak-Pihak yang Berada di Luar Negeri atau Luar Negara atau dalam Keadaan-Keadaan Tertentu secara Sidang Video atau Apa-Apa Aplikasi yang Dibenarkan oleh Mahkamah adalah dibatalkan bagi kes *mal*.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN *WAKALAH* PEGUAM SYARIE/
AFIDAVIT BAGI KES *MAL* MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI
JARAK JAUH**

1. PENDAHULUAN

Garis Panduan Wakalah Peguam Syarie/ Afidavit bagi Kes *Mal* Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh diguna pakai bagi menyelaraskan dan menyeragamkan proses pentadbiran di Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

2. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini adalah terpakai kepada semua kes *mal* dan tanpa had, sama ada Peguam Syarie/ pihak-pihak berada di dalam atau luar negara.

**3. PENGENDALIAN *WAKALAH* PEGUAM SYARIE/ AFIDAVIT
MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

3.1 Peguam Syarie/ pihak-pihak menghubungi Pendaftar yang berbidang kuasa bagi urusan pembacaan wakalah/ afidavit melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh.

3.2 Peguam Syarie/ pihak-pihak memastikan lokasi yang bersesuaian dan menjaga kesopanan serta batas-batas Syarak.

3.3 Pihak-pihak membaca *wakalah/* affidavit melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh.

3.4 Pihak-pihak menandatangani dokumen *wakalah/* affidavit dalam bentuk *Portable Document Format* (PDF).

3.5 Pihak-pihak menghantar dokumen *wakalah/* affidavit dalam bentuk PDF kepada Pendaftar untuk ditandatangani.

3.6 Pendaftar menandatangani dokumen *wakalah/* affidavit melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh yang dikemukakan oleh pihak-pihak.

3.7 Pendaftar mengembalikan dokumen *wakalah/* affidavit yang telah lengkap ditandatangani kepada pihak-pihak.

-Tamat-